

14/02/2004

Perang rasuah Pak Lah menjadi kenyataan

Kadir Dikoh

"ERIC Chia, ikan jerung kecil. Lepas ini ada beberapa lagi ikan jerung lebih besar. Awak tunggulah," kata seorang pegawai yang dikenali rapat dengan Putrajaya, pada hari bekas Pengarah Urusan, Perwaja Rolling Mill and Development Sdn Bhd, Tan Sri Eric Chia Eng Hock, didakwa di Mahkamah Sesyen, Selasa lalu.

Terbukti, tiga hari kemudian seorang menteri Kabinet, Tan Sri Kasitah Gaddam, ditahan Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan didakwa di mahkamah pada hari yang sama atas tuduhan rasuah dan menyalah guna kuasa ketika menjadi Pengerusi Eksekutif Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah pada 1996.

Siapa lagi selepas ini? Itulah antara pertanyaan dalam perbualan harian orang ramai sekarang. Bermacam-macam nama disebut daripada pegawai kanan kerajaan, menteri Kabinet sehinggalah kepada tokoh perniagaan dan ditambah pula gelaran orang itu seperti Tan Sri atau Datuk.

Ini menyebabkan pejabat media dihujani panggilan telefon daripada orang ramai yang inginkan kepastian atau 'tip' mengenai siapa menjadi sasaran BPR selepas ini.

Malah, tindakan 'cakap serupa bikin' kerajaan pimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menarik perhatian seorang diplomat asing yang memuji Malaysia dan Perdana Menteri kerana berani mengambil tindakan drastik dalam usaha membanteras rasuah ke akar umbi.

"Perdana Menteri anda hebat. Setelah beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri, ramai di kalangan diplomat terkejut dengan pendekatan Pak Lah yang begitu realistik. Beliau lebih telus dan mahu rasuah dihapus," kata diplomat berusia 27 tahun itu yang sudah bertugas di negara ini sejak empat tahun lalu dan seperti rakyat tempatan, beliau lebih selesa menyebut nama mesra Perdana Menteri sebagai Pak Lah.

Diplomat yang fasih berbahasa Melayu serta pernah menemui Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat di Kota Bahru untuk kajiannya mengenai parti-parti pembangkang di Malaysia itu berkata, Pak Lah adalah seorang pemimpin yang tegas.

"Saya tertarik bukan saja mengenai kempen antirasuah, malah penubuhan Suruhanjaya Diraja khas untuk polis. Semua ini menunjukkan ketelusan yang boleh memikat hati pelabur," katanya.

Apa yang lebih menarik, tangkapan 'ikan jerung' itu berlaku selepas 100 hari tempoh bulan madu Pak Lah berakhir. Eric Chia ditahan pada hari ke-101, manakala Kasitah pada hari ke-104.

"Tidak salah kalau anda katakan bahawa selepas 100 hari itu, pentadbiran Pak Lah akan lebih berorientasikan tindakan," kata seorang pembantu kanan kepada Perdana Menteri.

Bagi rakyat biasa, mereka menyambut baik tindakan itu dan sesetengahnya, seperti juga pegawai diplomat terbabit, terkejut dengan kesungguhan serta keberanian Pak Lah.

Namun, sesetengah pihak mengaitkan tindakan itu sebagai petanda bahawa pilihan raya umum semakin dekat.

Malah, pembangkang sendiri mula gelabah dan takut dengan beberapa tangkapan BPR itu, bimbang tiada isu yang boleh mereka eksplot menjelang pilihan raya umum nanti untuk mengecam kerajaan pimpinan Pak Lah.

Kepada Pas, apa saja tidak kena. Parti pembangkang itu mengalu-alukan penangkapan Eric Chia tetapi mempersoalkan keputusan membenarkan ikat jamin RM2 juta selepas tauke itu mengaku tidak bersalah atas tuduhan melakukan pecah amanah membabitkan RM76.4 juta milik syarikat besi keluli

itu pada 1994.

Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa, dalam laporan laman web HarakahDaily.net dipetik sebagai berkata bahawa tindakan itu 'double standard' kerana kes membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang tidak dibenarkan ikat jamin oleh Mahkamah Rayuan baru-baru ini.

Namun, Ahli Parlimen kawasan Yan itu memuji pendekatan Abdullah yang dikatakannya mula menampakkan ketelusan dalam janji Perdana Menteri memerangi rasuah, tetapi perlu diteruskan kepada tokoh-tokoh politik lain.

Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, dalam laporan laman web yang sama dipetik sebagai berkata penangkapan Eric Chia adalah langkah awal yang baik jika Abdullah benar-benar ingin memerangi rasuah, selain meneruskannya dalam kes-kes yang membabitkan pemimpin lain.

Walau apa pun dilakukan, pembangkang akan cuba mencari helah untuk mengeksploitasi sesuatu isu. Malah, jika semua menteri ditahan oleh BPR sekalipun, akan ada lagi yang masih tidak kena pada pandangan mereka.

Bagaimanapun, Setiausaha Agung DAP, Kerk Kim Hock, berkata penangkapan Kasitah memberi isyarat bahawa Abdullah serius dalam usaha memerangi rasuah.

"Ramai rakyat Malaysia berpendapat bahawa jika mereka berada dalam kerajaan, mereka boleh melakukan rasuah dan terlepas. Tindakan Abdullah adalah mesej kuat bahawa walaupun anda seorang menteri, anda tidak terlepas sekarang," katanya.

Bagi Pak Lah sendiri, beliau tidak mahu campur tangan dalam siasatan BPR dan menyerahkan sepenuhnya kepada agensi itu untuk menjalankan tugas dengan telus.

Ketika ditanya dalam sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno Selasa lalu mengenai sama ada banyak lagi tangkapan dibuat selepas ini, Pak Lah berkata:

"Tunggulah, kalau ada apa-apa nanti dia (BPR) akan umumkan. Biarlah BPR melaksanakan tugas mereka. Sekiranya sudah didapati jelas maklumat boleh mendakwa seseorang itu, terserahlah kepada BPR. Saya tidak campur tangan dalam siasatan yang dijalankan oleh pihak BPR, itu tugas mereka," katanya.

Itulah pendirian Pak Lah yang memang dari awal lagi sudah berikrar mahu membanteras rasuah.

Ketika sesi dialog bersama pengarang kanan organisasi media cetak baru-baru ini, Pak Lah berkata pencapaian paling bermakna sepanjang tiga bulan pertamanya sebagai Perdana Menteri ialah menyaksikan rakyat secara keseluruhan terus meyakini kerajaan dan jentera pentadbirannya.

Beliau berkata, dasar dan pelantikan baru, rombakan kecil Kabinet dan ketegasan memerangi rasuah, berjaya meningkatkan lagi sokongan rakyat kepada apa yang mahu dilaksanakannya.

"Orang ramai menyambut baik perubahan yang saya umumkan. Saya mendapat maklum balas positif terhadap apa yang saya mahu lakukan. Ini bukan pendekatan populist. Saya bertanggungjawab melaksanakan apa yang saya janjikan. Ini agenda kerja saya dan saya mahu mencapainya," katanya.

Malah, agensi berita asing dalam ulasan masing-masing memuji Pak Lah yang disifatkan oleh mereka sebagai menepati janji Perdana Menteri untuk menghapuskan rasuah di Malaysia.

Agensi berita AFP dalam laporannya pada hari Kasitah didakwa menyebut bahawa penahanan menteri itu dan tokoh usahawan, Eric Chia menunjukkan Perdana Menteri baru memenuhi janjinya untuk membanteras rasuah, dengan tindakan yang amat mengejutkan.

"Tindakan pantas Abdullah yang baru 100 hari mengambil alih jawatan daripada pemimpin veteran, Tun Dr Mahathir Mohamad, mendapat pujian daripada parti pembangkang, ahli ekonomi dan diplomat Barat," kata laporan itu.

Ia menyebut pada mulanya ramai yang ragu-ragu terhadap keupayaan atau kesanggupannya untuk mengambil tindakan terhadap orang yang rapat dengan kerajaan dan Umno sebelum ini.

"Apa yang jelas sekarang projek Abdullah itu bukan semata-mata retorik. Tangkapan ini menunjukkan bahawa beliau bersedia untuk bertindak," kata AFP memetik seorang diplomat Barat.

Agensi berita Reuters pula berkata, sejak memegang jawatan Perdana Menteri pada 31 Oktober lalu, Abdullah menampilkan imej sebagai 'penyapu baru yang menyapu seluruh Malaysia', dengan arahan untuk mengurangkan kerenah birokrasi dan rasuah dalam perniagaan, kerajaan dan polis.

Bagaimanapun, ia mengandaikan bahawa tangkapan terhadap kes berprofil tinggi seperti Kasitah muncul ketika pilihan raya umum kemungkinan diadakan dalam tempoh terdekat.

Agensi berita AP pula melaporkan sejak mengambil alih jawatan daripada Dr Mahathir, Abdullah menjadikan perang terhadap rasuah dan memperbaiki tadbir urus korporat sebagai dasar utamanya ketika beliau bersedia untuk menghadapi pilihan raya.

Ia melaporkan bahawa dalam minggu ini, Abdullah sudah memberi amaran kepada anggota kerajaannya bahawa beliau sedang mengkaji prestasi mereka dan akan mengetepikan personaliti yang tidak berwibawa.